



جابتن حال إحوال اِكْنام إسلام قولواو قينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**LANGIT TIDAK PERNAH  
MENURUNKAN  
EMAS DAN PERAK**



Tarikh Bacaan:  
**2 MEI 2025M / 4 ZULKAEDAH 1446H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
  
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
  
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
  
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
  
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
  
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
  
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Langit Tidak Pernah Menurunkan Emas Dan Perak

2 Mei 2025M/ 4 Zulkaedah 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ الْمُتَّقِينَ يُخَدِّعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَادِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى  
الصَّلَاةِ قَامُوا كَسَالَى يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾ سورة النِّسَاء

### SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Khatib ingin menyeru supaya kita bersungguh-sungguh meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Takwa boleh ditingkatkan dengan kita mentaati segala arahan Allah dan meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah. Hasil ketakwaan yang tinggi akan membawa kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Mimbar juga menyeru para jemaah untuk memberi fokus sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Menurut Irsyad Fatwa Negeri Pulau Pinang, sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak melakukan sebarang aktiviti selain mendengar khutbah.



Sebelum meneruskan khutbah, khatib ingin memetik teguran Saidina Umar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ kepada seorang lelaki yang duduk seharian tanpa berusaha dengan katanya:

إِنَّ السَّمَاءَ لَا تُمْطِرُ ذَهَبًا وَلَا فِضَّةً

Maksudnya: *“(Bangun dan berusahalah) sesungguhnya langit tidak pernah menurunkan emas dan perak!”*

Justeru maksud daripada ayat inilah merupakan tajuk khutbah pada minggu ini bersempena sambutan Hari Pekerja bagi tahun 2025.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,**

Mendengar sahaja perkataan malas pasti kita merasa rimas dan agak terganggu, apatah lagi jika berhadapan dengan individu yang bersikap sedemikian. Sikap malas merupakan barah yang memberi kesan yang sangat buruk kepada diri, keluarga, masyarakat, ekonomi dan kemakmuran negara.

Hakikatnya sikap malas dalam bekerja ini menurut kaca mata Islam berpunca daripada dua sebab utama:

**Pertama:** Kesan dari gangguan syaitan. Kenyataan ini disandarkan kepada sabdaan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ yang maksudnya:

*“Syaitan mengikat tengkuk seseorang dalam kalangan kamu ketika tidur dengan tiga ikatan. Setiap ikatan diikat kuat sambil menyebut: “Malam masih panjang, teruskanlah tidur, jika dia bangun daripada tidurnya dan*

*berzikir mengingat Allah maka terungkailah satu ikatan. Kemudian jika ia berwudu' maka terungkailah satu lagi ikatan. Kemudian jika ia teruskan dengan mendirikan solat, terbukalah semua ikatan tersebut. Lantas bangunlah dia dalam keadaan ceria, rajin dan suci jiwanya. Namun, jika dia tidak berzikir, berwuduk dan solat, bangunlah dia pada pagi hari itu dalam keadaan jiwanya buruk dan malas tubuh badannya.”*

﴿Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari﴾

Hadis tersebut dengan jelas membuktikan kepada kita bahawa malas dalam bekerja merupakan sikap mazmumah yang berpunca dari hasutan syaitan.

**Kedua:** Terpengaruh dengan sikap golongan munafiqin. Sebagaimana yang difirmankan Allah dalam surah an-Nisa' ayat 142 maksudnya:

*“Sesungguhnya orang munafiq itu melakukan tipu daya (terhadap agama Allah dengan perbuatan pura-pura beriman sedangkan mereka kafir pada batinnya) dan Allah membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafiq). Apabila mereka berdiri untuk solat, mereka berdiri dengan malas. Mereka melakukannya (hanyalah bertujuan) dengan riyak (memperlihatkan solat) di hadapan manusia (supaya mereka disangka sebagai orang yang beriman). Dan mereka tidak mengingati Allah kecuali sedikit sekali (jarang-jarang)”*

Menurut Imam Al-Qurtubi, ayat ini menunjukkan bahawa kemalasan dalam melaksanakan solat adalah salah satu sifat utama golongan munafiq. Ia bukan sekadar perbuatan fizikal, tetapi mencerminkan kelemahan iman dan kerosakan hati. Syeikh As-Sa'di pula menambah dalam tafsirnya bahawa kemalasan dalam solat ini termasuk hati yang

mati. Mereka mendirikan solat seperti beban, bukan kerana cinta kepada Allah.

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Sikap malas merupakan sikap yang dibenci di sisi syarak. Bahkan Nabi ﷺ juga pernah memberi motivasi dan galakan agar tidak menjadi pekerja yang malas. Kerana setiap hasil usaha yang dilakukan akan pasti mendatangkan kebaikan bahkan tiada yang sia-sia. Daripada A'isyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, bahawa Nabi ﷺ bersabda:

**إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ**

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah عَزَّ وَجَلَّ kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan hendaklah buat secara tekun."* ﴿Hadis Riwayat Al-Baihaqi﴾

Pekerja yang rajin pasti memberi kesan yang luar biasa kepada ummah dan negara. Buktinya, khatib ingin memberikan beberapa contoh bagaimana kerajinan dalam bekerja mampu membuka mata dunia dengan pencapaian luar biasa.

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Seorang suami yang hidup bergantung sepenuhnya kepada keringat isteri, seperti 'biawak hidup' atau seorang pekerja yang mengabaikan amanah kerja dengan mencuri masa, menipu sijil sakit dan tidur ketika bertugas, merupakan sebahagian gambaran sifat malas yang amat dibenci dalam agama.

Sesungguhnya, Islam menyeru umatnya agar berusaha mencari rezeki yang halal dengan penuh amanah, jujur, dan bersungguh-sungguh.

Tepat panahan peribahasa Melayu dengan ungkapan” menanti nasi disaji ke mulut” atau “hendak mendapat pisang terkupas kulit”, merupakan sindiran tajam untuk golongan yang dibaluti daripada sifat malas. Oleh itu, salah satu kaedah adalah dengan mengamalkan doa yang diajar oleh baginda ﷺ agar terhindar daripada sifat malas:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ،

وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَتِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Maksudnya: “Ya Allah ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada keluh kesah dan dukacita, aku berlindung kepada-Mu daripada kelemahan dan kemalasan, aku berlindung kepada-Mu daripada sifat pengecut dan bakhil, aku berlindung kepada-Mu daripada tekanan hutang dan kezaliman manusia”. ﴿Hadis Riwayat Abu Daud﴾

### **SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI,**

Rentetan daripada kezaliman Zionis Yahudi yang tidak berperikemanusiaan terhadap umat Islam di Palestin yang membunuh kanak-kanak, wanita dan orang awam dengan sewenang-wenangnya, maka khatib juga mengambil kesempatan dalam khutbah hari ini untuk menggesa agar dunia Islam bersatu untuk berjihad mempertahankan bumi Palestin daripada terus dinodai.

Umat Islam dan negara Islam wajib berjihad membela rakyat dan negara Palestin dengan kaedah jihad yang ditetapkan oleh syarak.

Negara-negara umat Islam perlu mengambil satu tindakan yang tegas dengan menghantar bantuan berbentuk ketenteraan dan persenjataan demi menyelamatkan umat Islam di Palestin.

Umat Islam juga dinasihatkan untuk tidak bertindak secara semborono dalam menyahut seruan jihad bersenjata. Hal ini kerana usaha jihad diuruskan oleh ulil amri (pemerintah) dan ia bukan bersifat individu.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sempena Hari Pekerja yang telah disambut pada 1 Mei, marilah kita buktikan kitalah pekerja yang rajin dan bersungguh-sungguh, berintegriti serta dapat menghasilkan produktiviti yang tinggi dalam apa jua pekerjaan yang kita laksanakan. Sikap positif itu sudah tentu akan menghasilkan kebaikan bukan sahaja kepada diri, keluarga bahkan kepada kejayaan dan kecemerlangan sosio ekonomi di negeri Pulau Pinang yang tercinta ini.

Justeru mengakhiri khutbah, mimbar menggariskan tiga kesimpulan utama sebagai panduan dalam kehidupan:

**Pertama:** Jauhi sifat malas sewaktu bekerja yang menjadi penghalang utama mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

**Kedua:** Sentiasa berusaha untuk memberi sumbangan kepada ummah dan negara.

**Ketiga:** Sentiasa menjadikan Rasulullah ﷺ sebagai sumber utama rujukan dalam kehidupan terutamanya dalam usaha menjadi pekerja yang beretika, tekun lagi efisien.

Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah al-Baqarah ayat 148:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ  
اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: "Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya masing-masing yang mereka menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan) kebaikan. Di mana sahaja kamu berada, pasti Allah akan mengumpulkan kamu semuanya (pada hari kiamat) untuk menerima balasan. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menggesa dan menyeru seluruh masyarakat Islam di Pulau Pinang untuk menggerakkan usaha wakaf melalui Wakaf MAINPP terutamanya untuk membeli tanah dan diwakafkan bagi kepentingan umat Islam di bumi Pulau Pinang ini.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطَيْنِ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
العَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ فُؤَلَاوِ فَيَنْغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُؤُوسَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith  
Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah  
Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh  
Puan Raja Dato' Datin Seri Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan  
zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui  
Wakaf MAINPP. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan*

*pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG